

Bunga Dan Kaitannya Dengan Riba Yang Diharamkan

Ab. Mumin Abdul Ghani

Abstract

Riba is clearly prohibited in Islam based on the verses of al-Quran and al-Sunnah. Though the case, there remains a controversy regarding the system of interest as practised in the conventional economics whether it is within the scope of riba or otherwise. The article tries to analyse the controversy.

Pendahuluan

Terdapat perselisihan pendapat di kalangan para ulama tentang maksud sebenar riba yang diharamkan di dalam Islam, sama ada ianya termasuk bunga yang diamalkan dalam sistem konvensional sekarang atau tidak. Sesetengah mengatakan ia tidak termasuk tetapi sebaliknya menganggap riba yang ditegahkan itu khusus bagi urusan niaga zaman jahiliah sahaja. Berasaskan kepada pandangan ini, adalah tidak tepat memasukkan sistem bunga sekarang ke dalam pengertian riba yang diharamkan oleh Islam. Ada juga golongan yang membolehkan pengamalan bunga atas asas *hajah* atau keperluan dan *darurah* atau terdesak. Bagi mereka ini bunga tetap ditegah dalam

Islam tetapi boleh menerima kelonggaran hukum (rukhsah) kerana *hajah* dan *darurah*.

Tulisan ini cuba memaparkan apakah yang dimaksudkan dengan bunga dalam ekonomi, dan apakah bunga yang dibayar dalam sistem kewangan sekarang boleh digolongkan di dalam maksud riba yang diharamkan oleh Islam.

Konsep Bunga

Mengikut Smith¹ dan Ricardo², bunga merupakan pampasan atau ganti rugi (compensation) yang diberikan kepada Piutang oleh Peminjam kerana keuntungan yang mungkin akan diperolehinya hasil penggunaan wang hutang tersebut¹. Umumnya bunga bolehlah dikatakan sebagai pembayaran bagi penggunaan modal.⁴ Ia dinyatakan dalam bentuk peratusan dari modal yang dipinjamkan. Peratusan ini biasanya untuk tempoh satu tahun dan dikenali dengan kadar bunga. Sekiranya kadar ini terlampau tinggi,⁵ terutamanya melebihi had kadar yang dibenarkan undang-undang, ia dikatakan "Usury".⁶

Bagi menerangkan konsep di atas kita ambil satu contoh. Katakan seseorang itu ingin melaksanakan projek dengan modal \$10,000. Modal ini dibiayai daripada pinjaman bank yang dibuat pada 1 Januari dengan syarat Peminjam membayar balik kepada bank pada 31 Disember tahun yang sama sebanyak \$11,000. Peminjam sanggup membayar tambahan sebanyak \$1,000 kerana pada jangkaannya pinjaman yang dibuat sebanyak \$10,000 untuk projek itu akan menghasilkan sekurang-kurangnya keuntungan sebanyak \$1,000. Bayaran tambahan \$1,000 ini dinamakan bunga (interest) manakala \$10,000 yang dipinjamkan itu adalah pokok. Peminjam terpaksa membayar kepada bank wang yang dipersetujui dahulu tanpa mengira samada keuntungan sebenar dari projek itu lebih atau kurang daripada jangkaan keuntungan yang diperolehi. Ia terpaksa membayar wang tambahan yang dipersetujui ini walaupun ia mengalami kerugian. Sebanyak \$1,000 wang tambahan daripada pinjaman asal itu adalah merupakan 10% daripada jumlah pokok pinjaman. Peratusan ini dinamakan kadar bunga (interest rate) dan jika kadarnya terlalu tinggi ia dinamakan "usury". Kedua-dua istilah 'usury' dan bunga ini dalam bahasa Arabnya dinamakan riba.⁷

Istilah Riba

Riba di segi bahasa bermakna lebihan, penambahan, pengembangan atau peningkatan.⁸ Peningkatan ini samada asalnya daripada benda itu sendiri atau kerana urusan pertukaran atau jualan wang seperti menjual satu dirham dengan dua dirham atau urusan komoditi seperti dalam kes sistem "barter" di mana ukurannya - samada sukatan atau timbangan - melebihi satu pihak daripada satu pihak lagi bagi barangan yang sama jenis.⁹

Dalam Islam riba merujuk kepada maksud ayat riba yang diturunkan oleh Allah bagi mengharamkannya.¹⁰ Para pentafsir al-Quran yakin bahawa riba yang

diharamkan oleh al-Quran itu adalah riba yang diamalkan oleh orang-orang Arab Jahiliah. Tafsiran ini adalah selari dengan keadaan dan cara-cara ayat-ayat tersebut diwahyukan di mana sesuatu hukum yang dikenakan adalah bagi amalan dan perlakuan yang wujud pada masa itu. Mana-mana perlakuan atau amalan yang sama selepas itu adalah menerima hukuman yang sama jua.¹¹

Perkataan riba telahpun digunakan oleh orang-orang Arab Jahiliah sebelum kedatangan Islam dalam urusan muamalah kewangan mereka seharian. Sesetengah dari riba ini khusus berkenaan dengan urusniaga jual beli dan sesetengah lagi khusus dalam urusniaga hutang piutang. *Sirah* Ibnu Hisyam menceritakan ketika pembinaan Kaabah di zaman Jahiliah, ketua-ketua suku Arab membuat perisytiharan bahawa jangan dimasukkan ke dalam kos perbelanjaan pembinaan Kaabah apa-apa hasil usaha yang tidak baik.¹² Antara hasil usaha yang dimaksudkan itu termasuklah hasil jual beli riba. Al-Razi di dalam *Tafsir al-Kabir* menceritakan mengenai riba dalam urusan hutang piutang di kalangan orang Arab zaman Jahiliah. Mengikut beliau, mereka meminjamkan sejumlah wang kepada seseorang sehingga tempoh tertentu dan menerima daripada si berhutang sejumlah wang yang telah ditetapkan setiap bulan dengan pinjaman pokok masih berbaki. Apabila sampai tempoh pembayaran yang dijanjikan, si berhutang tidak mampu menunaikan, jumlah hutang akan bertambah dengan dilanjutkan tempoh pembayarannya.¹³

Kajian oleh Abu Bakr al-Jassas menunjukkan apabila orang-orang pada zaman Pra Islam membuat perjanjian pinjaman dengan seorang lain, pihak-pihak yang terlibat telah bersetuju bahawa sejumlah wang tertentu akan dibayar oleh si berhutang melebihi jumlah pokok selepas jangkamasa tertentu.¹⁴

Al-Tabari melaporkan bahawa riba di zaman jahiliah berbentuk jualan hutang yang bertempoh mengikut tempoh tertentu. Apabila sampai tempoh tersebut pembayaran tidak juga dibuat, masa pembayaran akan dilanjutkan dengan syarat ianya dibayar lebih.¹⁵

Oleh itu, riba di dalam Islam adalah merujuk kepada lebihan yang diminta melalui cara-cara tertentu.¹⁶ Sekurang-kurangnya terdapat tiga kategori utama urusniaga yang boleh membawa kepada lebihan ini.¹⁷ Pertamanya, jaminan pulangan kepada individu semata-mata atas asas pemilikan (tanpa berusaha). Kedua, kontrak antara dua pihak yang menetapkan syarat awalan sejumlah keuntungan tertentu tanpa melihat kepada hasil (outcome) daripada kontrak itu. Ketiga, kontrak-kontrak yang dipersetujui itu mengandungi unsur *gharar* dan ketidakpastian.

Dengan meneliti berbagai-bagai bentuk perniagaan dan urusniaga kredit yang mengandungi unsur riba di Tanah Arab semasa Rasulullah, ternyata riba yang dimaksudkan dalam Islam bolehlah ditakrifkan sebagai penentuan duluan lebihan daripada jumlah pokok pinjaman yang diterima oleh si piutang dengan dikaitkan dengan sesuatu tempoh tertentu. Ianya mempunyai tiga unsur berikut:-

- (i) Lebihan dari jumlah pokok pinjaman
- (ii) Penentuan lebihan ini berkait dengan tempoh
- (iii) Persetujuan terhadap syarat lebihan ditentukan lebih dahulu iaitu di dalam perjanjian pinjaman.

Ketiga-tiga unsur ini secara bersama membentuk riba. Sebarang urusan niaga yang mengandungi unsur-unsur ini dianggap oleh ahli-ahli fiqh dan ahli-ahli ekonomi Islam sebagai riba.¹⁸

Kaitan Bunga Dengan Modal Dan Kenapa Bunga Diperlukan

Masyarakat moden kini memerlukan modal bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Modal adalah faktor pengeluaran yang dihasilkan oleh manusia. Ia berpunca dari tabungan masyarakat (sektor rumahtangga) yang tidak menggunakan kesemua pendapatannya untuk perbelanjaan penggunaan, tabungan syarikat yang melabur semula sebahagian dari keuntungannya dan dari tabungan kerajaan yang menjalankan dasar belanjawan lebihan. Ini bererti modal datangnya dari jumlah tabungan setiap ahli masyarakat yang terpaksa mengorbankan penggunaan semasa untuk mendapatkan keuntungan di masa hadapan.

Ahli-ahli ekonomi klasik, mengatakan bahawa faktor penentu bagi tabungan masyarakat adalah kadar bunga. Semakin tinggi kadar bunga, semakin besarlah tabungan yang dilakukan oleh masyarakat.¹⁹ Mereka juga berpendapat bahawa kadar bungalah yang menyebabkan berlakunya persamaan di antara Simpanan dan Pelaburan.²⁰ Pendapat ini ditentang oleh Keynes²¹ yang menyatakan tingkat tabungan masyarakat bukanlah ditentukan semata-mata oleh kadar bunga tetapi sebaliknya ia bergantung kepada tingkat Gunatenaga dan Pendapatan Negara.²²

Timbul persoalan apakah pembayaran bunga itu disebabkan oleh produktiviti modal atau sebagai ganjaran kepada ahli masyarakat yang sanggup menunggu dan bersabar dari melakukan penggunaan semasa untuk mengharap penggunaan yang lebih besar di masa hadapan? Sebenarnya mengikut analisa permintaan dan penawaran modal, kedua-dua persoalan ini memberikan penerangan yang sama tentang bunga. Cuma ianya melihat dari perspektif yang berbeza. Penjelasan tentang produktiviti Modal adalah mengikut perspektif permintaan, manakala penjelasan mengenai ganjaran kepada ahli masyarakat adalah mengikut perspektif penawaran Modal. Marshal²³ berpendapat, bunga dilihat dari sudut penawaran modal adalah ganjaran terhadap pengorbanan membuat tabungan atau kerana "menunggu". Permintaan kepada modal pula bergantung kepada produktiviti modal itu dibandingkan dengan kadar bunga. Mengikutnya, kedua-dua penawaran dan permintaan kepada modal inilah yang akan menentukan kadar bunga.²⁴

Permintaan terhadap modal datangnya dari samada orang ramai, firma-firma atau kerajaan. Permintaan yang terbesar selalunya datang dari firma. Firma terpaksa membuat pinjaman dan sanggup membayar sejumlah bayaran tertentu (bunga) terhadap wang pinjaman itu untuk memperbesarkan perusahaan masing-masing supaya dapat bersaing dengan firma-firma lain. Ini bererti, ia perlu mendapatkan barang Modal baru²⁵ yang lebih canggih sebagai tambahan kepada peralatan yang sedia ada atau sebagai menggantikan barang Modal yang telahpun susut nilainya. Dari perspektif ini, permintaan terhadap modal bergantung kepada produktiviti barang modal tersebut. Produktiviti modal dikira dengan cara menentukan berapa

banyak perolehan atau pendapatan purata tahunan daripada barang modal itu setelah ditolak susutan nilainya dan ia dinyatakan dalam bentuk peratusan. Peratusan ini dikenali dengan kadar pulangan modal. Selalunya kadar pulangan modal dibandingkan dengan kadar bunga pinjaman Modal tersebut dan sekiranya ia lebih besar dari kadar bunga maka pelaburan itu dikatakan berdaya maju (*viable*).

Begitulah besarnya peranan bunga dalam sistem ekonomi konvensional. Bahkan boleh dikatakan setiap aktiviti ekonomi masa kini tidak dapat lari dari pengaruh bunga. Mengikut teori, bunga wujud dalam kedua-dua peringkat ekonomi samada di peringkat mikro mahupun di peringkat makro. Ia bukan sahaja berperanan penting dalam mekanisme harga yang menentukan tabungan dan pelaburan tetapi juga digunakan oleh kerajaan sebagai satu alat dalam mengawal dan mempengaruhi ekonomi negara. Satu-satunya alasan kenapa bunga perlu dibayar mengikut teori kewangan adalah kerana adanya pendorong untuk mendapat keuntungan dari menggunakan wang pinjaman itu.²⁶ Umumnya justifikasi mengapa bunga dikenakan bagi setiap pengaliran wang berkisar kepada tiga perkara utama berikut:²⁷

1. Daya pengeluaran modal (The productivity of Capital)

Modal atau wang dari segi sifatnya boleh dikembangkan sekira ia dilaburkan dalam sektor perekonomian. Justeru itu adalah tidak wajar sebarang pemindahan wang kepada orang lain berlaku tanpa ada pulangan yang sepatutnya diperolehi seandainya pemilik wang itu mengguna sendiri dalam aktiviti ekonomi.

2. Perbezaan nilai wang masa sekarang dengan nilai wang pada masa akan datang (The future value of Money).

Perbezaan ini selalunya diasaskan atas andaian bahawa inflasi pasti berlaku dari semasa ke semasa. Inflasi menjadikan kuasa beli wang pada masa itu tidak lagi sama dengan kuasa beli di masa hadapan.

3. Keutamaan kecairan (liquidity preference)

Wang yang berada di tangan pada hari ini boleh digunakan dengan segera adalah lebih bernilai daripada wang yang hanya boleh digunakan pada satu masa yang akan datang. Oleh itu setiap penggunaan wang sekarang harus diberi imbuhan kerana faktor "menunggu".

Bagaimana Kadar Bunga Ditentukan

Mengikut ahli ekonomi klasik, kadar bunga ditentukan oleh keinginan para pengusaha firma melabur - permintaan ke atas tabungan - dan jumlah wang orang ramai yang sanggup memberikan pinjaman, iaitu melalui simpanan mereka di bank-bank penawaran tabungan. Mengikut teori, kadar bunga ditentukan pada keadaan bila

mana jumlah pelaburan yang akan dibuat oleh firma (jumlah permintaan terhadap tabungan) menyamai dengan jumlah tabungan yang dibuat oleh masyarakat.

Keynes menyatakan faktor-faktor yang menentukan kadar bunga adalah bergantung kepada penawaran wang (jumlah wang yang beredar dalam masyarakat) dan permintaan masyarakat ke atas wang (pilihan kecairan). Mengikutnya masyarakat meminta wang kerana tiga tujuan:

- (i) Untuk urusanniaga, iaitu masyarakat meminta wang bagi membuat pembayaran kepada segala pembelian/perbelanjaan yang dilakukannya.
- (ii) Untuk awasan, iaitu masyarakat memerlukan sejumlah wang bagi menghadapi segala kemungkinan mara bahaya dan masalah yang mungkin berlaku tanpa diduga.
- (iii) Untuk spekulasi, iaitu masyarakat memerlukan wang untuk membuat pelaburan dalam saham-saham dan lain-lain bentuk surat berharga.

Keynes berpendapat permintaan kepada wang untuk tujuan urusanniaga dan awasan bergantung kepada jumlah pendapatan negara sesebuah masyarakat itu manakala permintaan kepada wang untuk spekulasi bergantung kepada kadar bunga.

Bunga Dan Cara Pengiraanya

Bunga Ringkas (Simple Interest)

Bunga yang dibayar semata-mata berdasarkan jumlah pinjaman (pokok) dinamakan sebagai bunga ringkas. Biasanya ia dikenakan pada urusanniaga yang berjangka masa pendek.²⁸ Pengiraan bagi bunga jenis ini adalah sebagaimana formula berikut:

$$I = p \times r \times n,$$

di mana:

I - Bunga (\$)

p - Pokok Pinjaman (\$)

r = Kadar Bunga bagi sesuatu jangkamasa

n = Bilangan jangkamasa pinjaman itu dibuat

(r dan n hendaklah konsisten, iaitu jika r disebut dalam jangkamasa tahunan maka n juga mestilah mengikut jangkamasa tahunan)

Contoh

Katakan A meminjam wang sebanyak \$5,000 dari B selama 3 tahun dengan dikenakan kadar bunga ringkas sebanyak 10% setahun. Bunga yang mesti dibayar oleh A kepada B adalah:

$$\begin{aligned} I &= p \times r \times n \\ &= (5,000) (0.10) (3) \\ &= \$1,500 \end{aligned}$$

Bunga majmuk (Compound Interest)

Bunga jenis inilah yang selalunya digunakan oleh bank-bank atau Institut-institut kewangan dalam urusanniaga mereka seharian. Prosedur pengiraan bunga majmuk melibatkan bunga itu dilaburkan semula menjadi sebahagian dari pokok pada tahun berikutnya.

Formula pengiraannya adalah:-

$$S = p (1 + r)^n$$

di mana:

s = Jumlah yang dimajmukkan (Compound amount)

p = Pokok

r = Kadar Bunga

n = Bilangan tahun

Dengan mengambil contoh di atas, sekiranya digunakan bunga majmuk maka penyelesaiannya adalah:

$$\begin{aligned} s &= p (1 + r)^n \\ p &= 5,000 (1 + 0.10)^3 \\ &= 6,655 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} I &= s - p \\ &= 6,655 - 5,000 \\ &= 1,655 \end{aligned}$$

Perbezaan antara kedua-dua jenis bunga di atas dalam masa 3 tahun didapati sebanyak \$155.00. Ini disebabkan bunga majmuk menjadikan bunga bagi tahun pertama sebagai sebahagian daripada pokok untuk tahun yang kedua dan seterusnya. Keadaan ini dapat dilihat daripada jadual berikut:

| Jangka Masa (Tahun) | Pokok | Bunga | Jumlah Yang Dimajmukkan |
|---------------------|--------|-------|-------------------------|
| (n) | (p) | (I) * | (S = p + I) |
| 1 | 5000 | 500 | 5000 + 500 = 5500 |
| 2 | 5500** | 550 | 5500 + 550 = 6050 |
| 3 | 6050 | 605 | 6050 + 605 = 6655 |

* Untuk memperolehi nilai bunga (I), Pokok (P) hendaklah didharabkan dengan kadar bunga (r). Bagi kes ini, r adalah 10%, oleh itu $5000 \times 10\% = 500$

** Pokok di tahun kedua merupakan jumlah yang dimajmukkan pada akhir tahun pertama (pokok + bunga). Maknanya wang pokok asal (\$5000) dicampurkan dengan bunga (\$500) bagi tahun pertama untuk menjadi pokok bagi tahun kedua.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa jumlah pinjaman yang perlu dibayar kepada si Piutang bergantung kepada tempoh berapa lamakah pinjaman itu dibuat. Semakin lama tempoh ini semakin besar jumlah pembayaran yang diperlu dibayar. Ini kerana bunga daripada pokok pinjaman semakin bertambah dari setahun ke setahun mengikut lama masa pinjaman itu dibuat. Melihat dari sifat ini nyatalah bahawa bunga yang diamalkan sekarang menyamai dengan corak perlakuan kontrak pinjaman yang berlaku semasa turunnya ayat penegahan riba. Ciri-ciri dan sifat-sifat bunga ini adalah sama dengan ciri-ciri riba yang diterangkan di atas. Bunga majmuk ini selalunya dirujuk oleh ahli-ahli ekonomi Islam sebagai riba "*Ad'afan Mudha'afah*".

Kesan bunga ke atas sesuatu pinjaman dapat dilihat apabila diteliti jadual pembayaran balik. (Sila lihat Lampiran 1). Jadual tersebut menunjukkan bahawa pada peringkat awal pembayaran balik pinjaman, sebahagian besar jumlah bayaran ansuran itu adalah untuk Bunga sahaja sedangkan bayaran untuk pokok amat sedikit sekali.

Kontroversi Maksud Riba Yang Diharamkan

Kontroversi tentang maksud riba di dalam Islam di kalangan tokoh-tokoh Islam - terutamanya tokoh ekonomi Islam - berserta hujah-hujah mereka dapat diringkaskan sebahagiannya seperti berikut:

1. Al-Quran menggunakan perkataan Riba dan ia hendaklah difahami dengan tepat apakah maksud sebenarnya perkataan ini. Dalam menghuraikan maksudnya, para ulama terbahagi kepada dua, iaitu, satu golongan berpendapat perkataan ini adalah abstrak (mujmal) dan ia perlu kepada penjelasan oleh hadis Rasulullah.²⁹ Satu golongan lagi berpendapat perkataan riba bukanlah baru di kalangan sahabat Rasulullah.

Ia tidak perlu kepada penghuraian Rasulullah untuk memahami maksudnya. Perkataan itu jelas merujuk kepada urusan niaga yang berlaku semasa ayat tersebut diwahyukan. Buktinya ialah al-Quran dan hadis itu sendiri. Umpamanya al-Quran mengisyaratkan penghuraian riba dengan perkataan "alif Lam" yang menunjukkan peristiwa pada masa itu dan sahabat-sahabat memang sedia maklum maksud perkataan itu. Manakala hadis pula ialah hadis mengenai riba Abbas di dalam ucapan Rasulullah semasa haji wida'.³⁰

2. Syed Yaqub Shah³¹ berpendapat riba bermaksud penambahan ke atas modal. Oleh kerana penambahan ke atas modal tidak ditegah oleh Islam maka sudah pasti terdapat bentuk penambahan tertentu yang ditegahkan itu. Justru itu, beliau membuat dua kesimpulan, iaitu; pertama, pada masa turunnya ayat riba tiada bukti yang menunjukkan wujudnya pinjaman secara komersial di kalangan orang-orang Arab sebaliknya segala pembiayaan dilakukan atas asas *sharikah* dan *mudharabah*. Kedua, bunga pada kelazimannya semasa turun ayat riba ini adalah untuk pinjaman penggunaan (consumption loan) dan kadarnya pula terlalu tinggi. Inilah yang dikenali sebagai riba. Oleh itu bunga ke atas pinjaman produktif (productive loan) yang wujud pada masa ini tidak ditegah kerana ia terkeluar daripada maksud riba.³²

Maududi, mufti shafi, maulavi Fazalur Rahman dan lain-lain lagi³³ menolak pandangan yang mengatakan jenis bunga yang diamalkan sekarang tidak terdapat pada zaman Rasulullah dan oleh itu ia tidaklah termasuk di dalam maksud riba. Mereka berpendapat, sekiranya prinsip ini diterima maka masalah yang sama akan timbul tentang jenis judi dan arak yang berbagai-bagai jenama sekarang. Semuanya mestilah diisytiharkan halal kerana jenis-jenis jenama ini tidak terdapat di zaman Rasulullah. Tambahan pula banyak bukti sejarah menunjukkan orang-orang Arab semasa Rasulullah, mengadakan hubungan dengan Rom, Greece, Syria dan Parsi dan adalah diketahui umum bahawa memang terdapat pinjaman secara komersial di negeri-negeri tersebut.

Muhammad Abu Zuhrah menolak fakta pinjaman di masa Rasulullah adalah bermotifkan penggunaan. Kerana masyarakat Islam pada masa itu mengamalkan corak kehidupan sederhana dan jauh sekali daripada membuat penggunaan berlebihan. Oleh itu tidak timbul soal pinjaman untuk memenuhi kehendak penggunaan yang tidak perlu. Beliau berhujah keadaan orang-orang Arab terutamanya kedudukan kota Mekah dan perdagangan kaum Quraisy, semuanya memperkuatkan bukti kenyataan pinjaman yang berlaku di zaman Rasulullah adalah untuk pinjaman produktif bukannya untuk pinjaman penggunaan.³⁴

Bahkan terdapat juga keterangan yang menunjukkan sesetengah anggota suku bersyarikat dengan sukunya sendiri dan membuat pinjaman daripada anggota-anggota suku dengan pembayaran bunga.³⁵

3. Ada pendapat yang mengatakan Riba al Jahiliah atau riba yang diharamkan itu adalah berbentuk riba *Ad'af Muda'afah*. Tokoh-tokoh yang mengemukakan teori ini termasuklah Muhammad Abduh, Muhammad Rasshid Rida, Abd. Aziz Jawish, Abd Wahab Khallaf, Mahmud Shaltut dan Ali al-Khafif.³⁶ Mereka berpendapat bahawa riba yang diharamkan oleh al-Quran adalah riba yang berlipat kali ganda dan ia tidak termasuk riba yang kadarnya rendah. Sebenarnya pengharaman riba '*Ad'af Muda'afah*' adalah melalui ayat 130 Surah '*Ali-Imran*', iaitu wahyu ketiga dalam siri ayat-ayat yang diturunkan mengenai riba. Ayat ini bukanlah bertujuan mengkhususkan jenis riba yang diharamkan kerana ia diwahyukan lebih awal dari ayat 275 - 281 Surah '*al-Baqarah*' yang merupakan ayat terakhir diturunkan mengenai riba. Ayat terakhir ini secara total mengharamkan apa juga bentuk riba, tak kira samada ianya berlipat kali ganda ataupun tidak. Oleh itu dalam hal ini masalah pengkhususan tidak berbangkit. Tambahan pula hampir kesemua para pentafsir berpendapat bahawa perkataan *Ad'af Muda'afah* tidaklah menunjukkan sifat kadar bunga itu, sebaliknya ia menunjukkan arah aliran bunga yang bersifat mengikut tempoh masa pinjaman itu dibuat.³⁷ Begitu juga pendapat ini sukar diterima kerana sepanjang sejarah didapati kadar bunga yang dikenakan berbeza-beza mengikut keadaan, masa dan tempat. Oleh itu adalah sukar untuk menilai samada ianya tinggi atau rendah kerana apa yang dikatakan rendah pada hari ini mungkin tidak lagi di masa yang lain.³⁸
4. Terdapat juga pendapat yang mengatakan si piutang menghadapi risiko di atas kehilangan wang yang dipinjamkan kerana kemungkinan peminjam tidak menjelaskan hutang tersebut. Si piutang juga menghadapi kos lepas kerana tidak dapat menggunakan wang yang dipinjamkan itu dan adalah wajar mereka diberi pampasan atau ganjaran dalam bentuk bunga.³⁹ Perlu ditegaskan bahawa Islam tidak menerima sebarang ganjaran/faedah tanpa usaha seperti sifat bunga yang dinyatakan di atas. Menurut Islam, Modal tidak mendatangkan hasil dengan sendirinya. Ia boleh membawa hasil sekiranya digembelinkan dengan usaha manusia dalam aktiviti ekonomi yang produktif. Pulangan kepada modal ini pula tidak boleh ditentukan awal-awal lagi seperti dalam kes riba sebaliknya ia hanya boleh menentukan peratusan antara pemilik modal dan pengusaha selepas untung rugi diketahui.
5. Ada juga pendapat yang mengatakan riba sama dengan keuntungan biasa atau keuntungan *Mudarabah*.⁴⁰ Pendapat ini tidak boleh diterima kerana ciri-ciri riba dan keuntungan adalah jauh berbeza. Keuntungan merupakan perbezaan jumlah hasil dengan jumlah kos. Hasil diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang menghadapi risiko perniagaan sedangkan

riba merupakan lebih daripada pinjaman yang telah diperolehi tanpa sebarang usaha. Begitu juga halnya dengan keuntungan *Mudarabah*. Ia diperolehi hasil daripada usahasama antara pengusaha dan pemilik modal mengikut kadar yang dipersetujui. Sekiranya usahasama itu memperolehi keuntungan, pembahagiannya mengikut kadar tersebut dan sekiranya mengalami kerugian, ia hanya ditanggung oleh pemilik modal sahaja.

6. Sesetengah tokoh Islam menyamakan riba dengan sewa.⁴¹ Pendapat sebegini ditentang oleh kebanyakan tokoh ekonomi Islam. Kerana sewa adalah untuk benda yang boleh dipergunakan faedahnya tanpa melibatkan pelaburan zat benda tersebut. Ia juga tidak hilang identitinya sedangkan wang yang dipinjamkan akan hilang identitinya. Faedah yang diperolehi oleh penyewa adalah pasti sedangkan produktiviti modal yang dipinjamkan itu tidak berbentuk pasti. Selain dari itu benda yang disewakan terdedah kepada apa-apa kerosakan dan pemberi sewa bertanggungjawab mengganti atau membaikinya. Sedangkan wang yang dipinjamkan adalah kekal dalam keadaan selamat daripada sebarang kerosakan.
7. Terdapat sebilangan ulama yang cenderung untuk membolehkan pengenaan bunga atas alasan *hajah* (need) dan *darurah* (dire necessity). *Hajah* diertikan sebagai setiap keperluan yang tanpanya akan menyusahkan kehidupan seseorang. Manakala keperluan yang amat serius yang ketiadaannya akan mengancam nyawa orang yang memerlukan dikenali sebagai *darurah*. Kedua-dua keadaan ini boleh memberi kelonggaran beberapa hukum atau menerima keringanan hukum (*Rukhsah*), yang dalam keadaan normalnya adalah haram dan ditegah. Umpamanya, sebagaimana difatwakan oleh Majlis Ulama Se-Malaysia dalam persidangannya pada 4 hingga 7 Mac 1969 memberi ketetapan, bahawa:⁴³
 - (i) Bunga yang dibayar kerana berhutang atau lain-lain adalah haram tetapi ia dihapuskan kerana sebab-sebab *darurah* atau *hajah* yang amat sangat.
 - (ii) Bunga di atas pinjaman wang untuk maksud-maksud memajukan perniagaan dan perusahaan umat Islam adalah harus kerana *darurah*.

Mengikut AbdurRazzaq al-Sanhuri, riba jahiliyyah adalah haram kecuali dalam *darurah*, iaitu keadaan yang membolehkan memakan bangkai dan darah. Tetapi bagi riba al-Fadl dan riba al-Nasi'ah dibolehkan hanya jika wujudnya *hajah*. Oleh itu selagi keperluan kepada modal wujud dan diperolehi samada melalui pinjaman atau lain-lain cara maka pengenaan bunga ke atas modal ini adalah dibenarkan.⁴⁴

47. Ozay Mehmet, *Islamic Identity & Development, Studies of the Islamic Periphery*, K.L: Forum, 1990, hal. 79-80.
48. Sila lihat ketetapan muktamar Islam kedua yang diadakan di Kaherah pada tahun 1965 dalam Dr. Yusuf al-Qardhawi, *op. cit.*, hal. 29-30 yang antara lain mengambil keputusan; (a) Faedah/bunga ke atas setiap pinjaman adalah haram, (b) Bunga yang sedikit sama hukumnya dengan bunga yang banyak (haram), (c) Pinjaman yang berbunga adalah haram, tidak boleh dihalalkannya melalui hujah ataupun darurat.
49. Abu Hassan Md. Isa, *Kaedah Penilaian Projek, Satu Pengenalan*, D.B.P. 1985, hal. 76-80.